

# Qalam

---

Bilangan 90 - Jamadilakhir 1377 - Januari 1958 - 70 sen

---

## PERKARA MINUMAN KERAS

Perkara minuman keras di majlis-majlis rasmi Persekutuan Tanah Melayu, yang mendasarkan negaranya sebagai sebuah negara Islam, telah dibawa oleh Tuan Seenivasagam, wakil dari Progresif Parti Perak ke majlis itu dengan alasan-alasan membuang wang percuma terutamanya dalam masa keadaan negara patuh berjimat cermat.

Sungguhpun ia membawa hal-itu dari segi ekonomi namun perkara minuman keras di majlis-majlis rasmi kerajaan Persekutuan yang telah mengisytiharkan agama rasmi negaranya agama Islam sepatutnya disambut dengan baik oleh ahli-ahli Melayu tetapi malangnya di dalam majlis itu hanya perkara itu disokong oleh Tuan Haji Ahmad Husin dari PAS sahaja.

Apakah yang ada di sebalik layar perkara itu maka orang-orang Melayu (Islam) tidak menyokongnya? Inilah pertanyaan-pertanyaan yang timbul sesudah kejadian itu. Menurut punca-punca yang mengetahui bahawa perkara ini telah lama dikemukakan oleh orang-orang Islam di Perak supaya dibawa ke dalam majlis itu. beberapa orang ahli mesyuarat khabarnya telah diminta membawa perkara itu beserta dengan lain-lain hal-yang mengenai agama Islam tetapi dikatakan ahli-ahli Melayu yang diminta membawa perkara itu berdiam

sahaja – tidak mau membawanya ke dalam mesyuarat, dan dengan demikian apabila Tuan Seenivasagam dipilih maka orang-orang Islam di Perak telah mengemukakan perkara ini. Ia dengan tidak berlengah lagi terus membawa perkara itu dan malangnya ahli-ahli Melayu (Islam) hanya menjadi tukang dengar sahaja – yang bersoal-jawab hanya di antara orang India dan orang Cina sahaja.

Melihat keadaan ini orang-orang awam, khususnya orang-orang Islam, tentu hairan melihat pendirian orang-orang yang beragama Islam di majlis itu. Mereka tentunya tertanya-tanya: Mengapa maka mereka diam? Padahal-sepatutnya merekalah menjadi penggalang ganti agama jika perkara-perkara agama timbul.

Apa yang terjadi ini adalah menjadi suatu hal yang patut diperhati oleh orang-orang Islam seluruhnya dalam perkembangan yang ada, dan dapatlah orang-orang Islam sendiri mengukur kelak apa ertinya agama rasmi yang diisytiharkan itu dan sampai ke mana kelak pelaksanaannya jika tidak orang-orang Islam di luar majlis-majlis itu berkerja keras untuk melaksanakannya kerana sesuatu pengakuan dengan tidak ada pelaksanaannya tidaklah ada ertinya langsung!

\* \* \*

## Pelajaran Agama di Sekolah-sekolah Umum

Daripada apa yang telah diperbincangkan di majlis Mesyuarat Federal-maka dapatlah diteloh bahawa rancangan untuk menjalankan pelajaran agama di sekolah-sekolah umum itu harus tergendala – yang bermakna pelajaran itu harus tidak dapat di jalankan pada awal-tahun 1958 seperti yang dijadualkan.

Tidak payah bagi kita mengkaji sebab musababnya kerana yang demikian akan menerbitkan sesuatu tempelakkan sahaja kepada sesuatu pihak yang berkenaan, kita hanya perlu mengingatkan bahawa melambatkan usaha kepada jalan yang dihajati oleh ahli-ahli agama itu harus kelak akan menerbitkan rasa kurang percaya pihak itu kepada kerajaan.

Utusan Melayu dalam rencana pengarangnya pada 20.12.57 telah membidas kelambatan-kelambatan yang terjadi, dan mengingatkan mustahaknya supaya diadakan buku-buku bacaan permulaan yang dialirkan kepada pelajaran-pelajaran agama sama ada pelajaran membaca atau pelajaran Tawarikh. Utusan Melayu menyatakan bagaimana mustahaknya pelajaran itu mesti dilaksanakan walaupun pada mulanya tidak sama rata disemua tempat di persekutuan tetapi mustahak dijalankan oleh jabatan-jabatan atau daerah-daerah yang sanggup menjalankannya kerana jika menunggu semuanya serentak maka yang demikian akan memakan banyak masa iaitu suatu syor seperti yang di syorkan oleh salah seorang wakil dimajlis Mesyuarat Federal.

Ini ialah perkara-perkara yang baik sekali diambil perhatian oleh tiap-tiap kita. Kita wajib pula meminta fikiran ramai tentang ini dan juga tentang perkara-perkara yang mengenai dengan buku-buku pelajaran agama yang meminta kepada perubahan-perubahan yang mustahak disesuaikan dengan ilmu jiwa serta perkembangan dan pertumbuhan jiwa yang menerima pelajaran itu.

Kita katakan begini kerana kita dapati masih banyak buku-buku agama yang digunakan sekarang, menurut pandangan kita, tidak dapat diterima oleh kanak-kanak yang baharu belajar bahkan ada sesetengahnya, dalam perkara yang mengenai tauhid,

mereka hanya diajar seperti mengajar burung tiong berkata-kata dengan mereka tidak tahu akan hakikatnya. Hal-ini adalah berlawanan sekali dengan apa yang diajarkan Tuhan kepada kita untuk mengenal-Nya dan menyalahi pula pesan junjungan kita supaya memberi palajaran agama itu jangan menjemukan dan hendaklah disesuaikan dengan keadaan otak yang menerimanya.

Untuk mengadakan buku-buku yang seperti ini, adalah menjadi suatu tanggungjawab umat yang besar. Tenaga untuk mengadakan buku-buku seperti ini tidaklah hendaknya hanya diserahkan atas usaha pihak Jabatan-jabatan Agama dan Jabatan-jabatan Pelajaran tetapi jabatan-jabatan itu hendaklah menganjurkan pula pihak lain berusaha bersama-sama di dalam hal-ini.

Sekiranya hanya pihak jabatan-jabatan sahaja yang ditumpukan usaha ini maka kita takuti usaha mengadakan buku-buku bacaan di sekolah-sekolah umum yang mengenai pelajaran agama tidak akan dapat diselenggarakan dalam masa yang singkat. Kerana itu kita berharap pihak-pihak rasmi memberikan tawarannya kepada penerbit-penerbit bangsa sendiri untuk bersama-sama berusaha dalam perkembangan ini.

---

***Selamat Tahun Baru 1958***  
***Kepada sekalian pembaca-pembaca Qalam***  
***Isilah kemerdekaan Tanah air***  
***dengan sewajarnya!***

---